



**TAKLIMAT BERKAITAN PELAKSANAAN  
AKTA SYARIKAT 2016**

**MAKING RIGHT BUSINESS DECISIONS**  
**with SSM's Products**

**MENARA SSM@SENTRAL**

# TOPIK PEMBENTANGAN



- **Kenapa SSM?**
- **Produk-produk selepas pelaksanaan Akta Syarikat 2016**
- **Membuat Keputusan Perniagaan Dengan Produk-Produk SSM**
- **Saluran Ejen Pembaharuan Perniagaan**
- **Saluran EzBiz**

# KENAPA SSM?

## BNM dedah syarikat guna surat akuan bank bertujuan tarik pelabur 77 syarikat pelaburan tidak sah

Oleh NORLAILI ABDUL RAHMAN  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 31 Julai - Para pelabur di negara ini perlu berhati-hati membuat pelaburan kewangan agar tidak terjebak melabur ke dalam syarikat-syarikat pelaburan yang tidak mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM), termasuk membabitkan skim-skim kewangan yang melibatkan pelaburan emas dan logam berharga lain.

Menurut BNM, sejumlah 77 syarikat atau individu telah disenaraikan sebagai entiti yang tidak mendapat kelulusan dan tidak sah menjalankan aktiviti pelaburan mengikut peraturan kewangan di negara ini.

Antara jenis-jenis aktiviti yang dijalankan oleh syarikat atau individu tersebut kebanyakannya berkisar kepada pelaburan emas, perniagaan mata wang asing atau menjalankan pelaburan tidak berlesen.

Bank pusat itu berkata, ia menerima pertanyaan daripada orang ramai berhubung dengan syarikat yang mendakwa sebagai institusi terakreditasi dengan BNM untuk membolehkan syarikat tersebut mendapatkan pelaburan daripada orang ramai.

BNM dalam satu kenyataan di sini hari ini menyatakan bank pusat itu tidak mengeluarkan sebarang ke-



SYARIKAT-SYARIKAT pelaburan emas dan barangan logam bernilai kini melancarkan pelbagai taktik bertujuan menarik pelaburan daripada orang ramai dengan menjanjikan pulangan lumayan. - GAMBAR: HASRAN

sen mahupun surat kebenaran perniagaan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pemajakan, pen-

faktor, pembangunan kewangan atau pembangunan kredit.

Teganya, di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, syarikat-syarikat tersebut perlu mendapat perakuan bertulis daripada

### SENARAI SYARIKAT TIDAK DIBERI KEBENARAN MENJALANKAN PELABURAN

- |                                   |                                       |                                  |  |
|-----------------------------------|---------------------------------------|----------------------------------|--|
| 1. Iglabakash                     | 17. Flexxy Enterprise & Barriome Corp | 33. Isothree Gold Sdn. Bhd.      | 48. Pageinty Gold Berhad               |
| 2. Gold.com.my                    | 18. FNZ Capital Limited               | 34. Jalama Management Sdn. Bhd.  | 49. Pancer Mayang Sdn. Bhd.            |
| 3. Al-Saliba Worldwide Sdn. Bhd.  | 19. FX Primus                         | 35. Jaazlan Enterprise           | 50. Pars Pay Sdn. Bhd.                 |
| 4. Amisyq Gold Enterprise         | 20. Gain FX Capital S/B               | 36. JM Communications            | 51. Prestige Dairy Farm                |
| 5. AU Niaga Sdn. Bhd.             | 21. Gan Platt Services                | 37. JMI Global                   | 52. Program 10 Bulan Forex Trading     |
| 6. AU79 International             | 22. Geneva Malaysia Sdn. Bhd.         | 38. JTGOLD                       | 53. Program I-Rich                     |
| 7. Bumi Klasik Warisan Enterprise | 23. GGF Golden House Sdn. Bhd.        | 39. Kira Plus Enterprise         | 54. Projek Duit 2012                   |
| 8. Caser Gold Sdn. Bhd.           | 24. Global Creation Trading           | 40. Lestari2U                    | 55. Provisio Multimedia                |
| 9. Calera Ringgit Sdn. Bhd.       | 25. Global Venture Financing          | 41. Liberty Reserve              | 56. Real Ingenious S/B                 |
| 10. Dana Haji Jasman              | 26. Gorgeous Chain Sdn. Bhd.          | 42. Life Time Holidays Sdn. Bhd. | 57. RGCX Trading Corp                  |
| 11. Degridd Empire S/B            | 27. Great Access Sdn. Bhd.            | 43. LocalClick                   | 58. RMMUDAH.COM                        |
| 12. DNA Profile Sdn. Bhd.         | 28. Hexa Commerce Sdn. Bhd.           | 44. Mari Wholesale (M) S/B       | 59. Rowther Technologies MSC Sdn. Bhd. |
| 13. East Cape Mining Corp         | 29. Honest Group Ltd                  | 45. Mega Dynasty S/B             | 60. RS Capital Holdings Bhd.           |
| 14. Extra Capital Programme       | 30. Iconhill Holding Sdn. Bhd.        | 46. Megaherbs Bioextreme         | 61. Simberry Extreme Team              |
| 15. Ezy Marketing                 | 31. IGC Diamond                       | 47. One AutoCash                 | 62. Speedline                          |
| 16. FE Brands (M) S/B             | 32. Instaforex                        |                                  | 63. SP PerKasa Emas Trading            |

300 pekerja kilang percetakan lancar mogok

# Majikan gagal tunai janji

**FAKTA**  
Gaji Jun  
dibayar  
6 Ogos  
depan

>>Oleh Zulfah Mohamad  
zulfah@metro.com.my

**B**UKIT MERTAJAM: Kira-kira 300 pekerja sebuah kilang percetakan di Bukit Minyak, dekat sini, bimbang akan mengalami nasib sama dengan pekerja Nikko Electronics Bhd (Nikko) berikutan tidak dibayar gaji lebih sebulan.

Pekerja terbabit mendakwa, walaupun kilang masih beroperasi, tetapi mereka tidak menerima gaji bulan Jun, manakala caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak dibuat sejak lebih setahun lalu.

Menurut mereka, pihak pengurusan pada mulanya berjanji menjelaskan gaji mereka esok, tetapi ditangguhkan sehingga 6 Ogos depan menyebabkan mereka melancarkan mogok, semalam.

Wakil pekerja terbabit, Romzee Jimin, berkata mereka bimbang akan mengalami nasib sama dengan bekas pekerja Nikko yang diberhentikan 24 jam tanpa



**MOGOK...sebahagian 300 pekerja kilang percetakan di Bukit Minyak, Bukit Mertajam melancarkan piket.**

pampasan dua minggu lalu. "Gaji tidak naik kami tidak marah, tetapi jika gaji tidak dibayar, bagaimana kami boleh berdiam diri kerana menjejaskan kehidupan kami.

"Selain gaji, KWSP juga tidak dipotong sejak lebih setahun lalu. Walaupun kilang masih beroperasi, tetapi gaji tidak dibayar menyebabkan kami melancarkan mogok,"

katanya. Daripada 300 pekerja, sebahagian daripada mereka adalah pekerja asing dengan operator pengeluaran menerima gaji asas RM450 sebulan.

S Punita, 28, berkata mereka juga tidak dimaklumkan bila gaji mereka akan dibayar menyebabkan perbelanjaan harian terjejas. "Kami sudah tolong kilang,

tetapi kilang tidak tolong kami. Jika berdiam diri, nasib kami akan lebih buruk dan mengalami nasib sama seperti pekerja Nikko," katanya. Sementara itu, jurucakap Pejabat Tenaga Kerja berkata, pihaknya ada menerima aduan pekerja kilang berkenaan dan sudah pergi ke kilang itu bagi membuat siasatan.



## Mangsa kes gores menang meningkat

Catat peningkatan sebanyak 271 mangsa berbanding 144 dari Januari hingga September pada tahun lepas

■ NUR SHARIEZA ISMAIL

**SEREMBAN** – Jumlah mangsa kes penipuan gores dan menang yang dilaporkan di negeri ini meningkat seramai 127 daripada 271 mangsa dalam tempoh dari Januari sehingga September tahun ini berbanding 144 mangsa yang dicatatkan tahun lalu.

Ketua Unit Jualan Langsung, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) negeri, Mohd Khairuddin Osman berkata, jumlah kerugian dialami mangsa turut mencatat peningkatan sebanyak RM3.3 juta berbanding RM2.5 juta tahun lalu.

“Untuk tempoh dua tahun ini, seramai 415 orang menjadi mangsa kes penipuan gores dan menang dan mengikut kepada

peratusan, 90 peratus yang menjadi mangsa dalam kes ini adalah dalam kalangan orang Melayu,” katanya, semalam.

Beliau menjadi ahli panel dalam Forum Crime Awareness Day peringkat Kontinjen Negeri Sembilan anjuran bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Terminal One, semalam.

Turut menjadi ahli panel dalam forum berkenaan, Pengerusi Yayasan Transparency Malaysia, Datuk Akhbar Satar dan wakil Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Saiful Hamiruzzaman Mohd Hazir.

Program disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Abu



**Abu Ubaidah menyempurnakan Forum Crime Awareness Day peringkat Kontinjen Negeri Sembilan anjuran bersama PDRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Terminal One, semalam.**

Ubaidah Datuk Redza.

Menurutnya, peningkatan jumlah mangsa dalam tempoh dua tahun ini berpunca daripada kesedaran masyarakat yang masih kurang selain sikap tamak yang ada dalam diri.

“Mangsa sanggup keluar duit sebanyak RM10,000 atau RM20,000 bagi mendapatkan hadiah lumayan selepas di datangi ejen-ejen dari syarikat gores dan menang akibat terpedaya dengan penipuan yang

begitu licik.

“Taktik dan modus operandi mereka pula sememangnya menasarkankan individu yang berduit dan warga emas. Lebih baik kita bersama-sama meningkatkan kesedaran bagi mencegah

daripada menjadi mangsa kes gores dan menang,” katanya.

Berhubung penyelesaian kes penipuan gores dan menang yang berlaku, pihaknya hanya dapat menyelesaikan 10 peratus sahaja kes tahun lalu.

“Tahun ini, belum ada laporan dicatatkan dan hasil daripada siasatan mendapati beberapa syarikat yang dikenal pasti terlibat dalam penipuan gores dan menang itu berpindah ke kawasan lain seperti di Melaka dan Selangor,” katanya.

Beliau turut meminta mangsa yang pernah terpedaya dengan kegiatan itu supaya tampil dan membuat tuntutan di Mahkamah Tribunal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi membolehkan tindakan diambil terhadap syarikat berkenaan.

# KENAPA SSM?



SURUHANJAJA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(Agensi di bawah KPDNKK)

1 & 2 - Sinar Harian - Saturday, 11 February 2017

Akibat teruja mahu hidup mewah, ramai terjerat dengan skim pelaburan atau yang kononnya boleh memberikan pulangan lumayan dalam tempoh singkat

## GELOJOH NAK KAYA

Orang awam harus faham guna logik akal kerana jika beli skim ditawarkan besar, mesti semua ahli pembiayaan di dunia ini pasti pelaburan tersebut dan tak perlu bekerja. Skim pelaburan yang sedia ada ini kebanyakannya hanya menipu.

Pengarah Jabatan Sistem Angkasa Komersial JSK, Datuk Acryl Sari Abdullah Sami



22 - Harian Metro - Tuesday, 21 February 2017

## PUCM sambut ulang tahun pertama persatuan dan Tahun Baru Cina di Menara Berkembar Petronas

21-02-20

setempat

27

### HARIAN METRO

**Kuala Lumpur:** Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mempelawa pelabur China meninjau potensi pelaburan di Perlis khususnya di kawasan Lembah Chuping.

Menurut baginda, pembangunan menyeluruh di Lembah Chuping yang berkeluasan lebih 1,200 hektar itu bakal mengubah landskap ekonomi negara khususnya di Perlis.

Tuanku Syed Faizuddin memaklumkan antara yang mewarnai pembangunan kawasan itu ialah cadangan membina pelabuhan darat atau Perlis Inland Port di kawasan seluas 200 hektar.

Selain itu, titah baginda, tumpuan bagi mengisi pembangunan kawasan pinggir sempadan Malaysia-Thai-

## Pelawa pelabur China ke Perlis



TUANKU Syed Faizuddin dan Tuanku Hajah Lalatul Shahreen memotong kek sempena sambutan ulang tahun pertama PUCM di Menara Berkembar Petronas.

land itu termasuk dalam sektor logistik, tenaga hijau, pemrosesan hijau dan pengurusan sisa.

Baginda beritah dalam majlis sambutan ulang tahun pertama Persatuan Usahawan China di Malaysia (PUCM) serta sambutan Tahun Baru Cina persatuan itu di Menara Berkembar Petronas, di sini.

Turut berangkat, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lalatul Shahreen Akashah Khalil serta dihadiri Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Presiden PUCM, Datuk Keith Li.

Tuanku Syed Faizuddin yakin perubahan PUCM sejak setahun lalu akan turut menyuburkan kerjasama ekonomi Malaysia dan China yang terjalim ku-

Menurut baginda, pada masa ini China adalah rakan dagangan terbesar di negara ini sejak lapan tahun lalu.

Baginda berharap agar PUCM dapat memastikan anggotanya menghargai persekitaran hidup di negara ini serta menyumbang dalam aktiviti kemasyarakatan.

Tuanku Syed Faizuddin turut beritah agar PUCM menjadi platform penghubung antara untuk berinteraksi dengan pihak kerajaan, pihak berkuasa dan rangkaian perniagaan tempatan.

"Syarikat China mampu memperkukuh kedudukan sekiranya mereka memahami pasaran tempatan dan mengintegrasikan perniagaan mereka dengan pasaran utama di Malaysia," titah bag-

## Awasi pelaburan tipu

Rekod peningkatan sebanyak 1,006 kes 2016 berbanding 591 kes 2015

DAFTAR BERKEMBAR

JUMLAH KES MENGIKUT NEGERI		
NEGERI	MAS	KERUJUAN
Perlis	11	345,937.00
Kedah	46	2,809,956.50
P. Pinang	48	8,417,918.82
Perak	47	2,640,220.53
Selangor	272	93,684,545.18
K. Lumpur	251	41,902,298.44
N. Sembilan	52	1,926,370.00
Melaka	63	8,020,705.52
Johor	103	6,914,894.20
Putrajaya	33	2,202,096.00
Terengganu	20	8,729,020.00
Kelantan	35	1,283,451.77
Sabah	23	2,112,573.00
Sarawak	22	12,692,275.00
<b>Jumlah</b>	<b>1,006</b>	<b>117,777,225.90</b>

(Sumber: JAK Bait Aman)

SKIM pelaburan pelaburan awam yang menjadi anjakan paradigma di negara ini dan mendorong orang-orang di luar bandar untuk berinvestasi dalam pelaburan awam, pelaburan yang secara pelaburan berkesan bagi mereka.

Kebersamaan, syarikat syarikat ini akan mencari adangan terbaik, dahulu kepada mangsa dalam bentuk wang melabur di kawasan-kawasan bersejarah yang mempunyai nilai dan kepentingan strategik.

Menyebut, beliau mengemari isu ini, Pengarah Jabatan Sistem Angkasa Komersial JSK, Datuk Acryl Sari Abdullah Sami.

pelaburan jumlah kerugian sebanyak RM 4.7 bilion dalam tempoh 10 tahun kepada an yang ramat.

"Selangor menjadi tumpuan pihak tidak beretika yang ramat."

### INFO

1) Pelaburan cepat kaya / skim cepat kaya Pelaburan skim cepat kaya adalah antara jenis yang sering mendapat perhatian daripada mangsa di negara ini. Pengatur pelaburan skim cepat kaya sesetengah memang untuk menipu masyarakat. Walaupun pelaburannya sudah diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani kes penipuan ini, namun masih ramai masyarakat yang menjadi mangsa dan terjerat dalam skim ini. Pelaburan ini menawarkan skim yang kononnya dapat mewujudkan pulangan lumayan dengan cepat daripada jumlah pelaburan yang kecil dan tanpa risiko.

2) Pelaburan saham emas Modus operandi skim pelaburan emas ialah pihak pengatur atau pengkolek akan melantik wakil atau ejen untuk melaksanakan proses pemasaran dan penjualan. Antara dua skim pelaburan yang wujud adalah menjual emas kepada pelanggan dengan harga lebih tinggi daripada pasaran untuk mendapat untung secara bulat-bulat dan jual emas secara "Estimate Time Arrival" (ETA) yang mengemudikan syarat pelaburan perlu menunggu tempoh dahulu sebelum menerima emas dalam tempoh tertentu.

3) Pelaburan internet Internet membolehkan individu-individu atau syarikat-syarikat untuk berkomunikasi dengan kumpulan pengguna yang besar tanpa perlu menanggung masa, usaha dan duit yang banyak.



ACRYL SARI

menika untuk mempromosikan skim-skim yang disediakan oleh syarikat tersebut. Menurutnya, modus operandi skim pelaburan awam adalah lebih banyak dengan sedikit persiapan awal yang turut melibatkan tawaran-pakej-pakej murah kepada mangsa.

"Orang awam harus faham dan berhati-hati dalam memilih skim pelaburan."



# KENAPA SSM?



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(Agensi di bawah KPDNKK)

44 - Sinar Harian - Saturday, 04 February 2017

## Serik ditipu peniaga online

Wanita dakwa penjual beri nombor pengesanan salah

**KAMUNTING** - Seorang wanita mengaku serik untuk membeli barangan secara atas talian selepas ditipu, baru-baru ini.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Nurul, 38, berkata, walaupun nilainya tidak banyak, namun kejadian itu benar-benar membuatkan dia serik.

Menurutnya, pada 30 Januari lalu, dia memasukkan duit RM70 ke akaun Maybank seorang penjual untuk membeli baju.

"Selepas dimaklumkan kepada penjual, dia kemudiannya memberitahu akan pos barang tersebut esok iaitu pada 31 Januari.

"Keesokannya iaitu pada 1 Februari, saya meminta nombor pengesanan (tracking) selepas penjual tidak mengemas kini status penghantaran barang tersebut," katanya, semalam.


Bagaimanapun, Nurul berkata, nombor pengesanan yang diberikan tidak betul.

"Nombor yang diberikan penjual adalah barang milik individu lain yang sampai pada 10 Januari lalu.

"Saya cuba menghubungi penjual dan pesanan melalui aplikasi *WhatsApp*, namun tidak berjaya," katanya.

Katanya, selepas itu, dia cuba melihat semula gambar profil penjual di dalam *carousell online* juga ditukar.

"Saya mengesyaki ditipu dan segera membuat lapo-



Profil penjual yang dipercayai menipu mangsa.

ran polis.

"Walaupun nilai tersebut tidak banyak, namun diharap orang ramai lebih berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa," katanya.

Sementara itu, Penasihat Pengguna Taiping, Dr Billy Toh berkata, sebagai pengguna, sebelum membuat pembelian atas talian, mereka seharusnya menyemak latar belakang penjual.

"Selain itu, untuk mem-

buat bayaran, langkah terbaik dengan menggunakan pay-pal kerana lebih selamat dan ada jaminan," katanya.

Katanya, jika harga yang ditawarkan terlalu murah berbanding di kedai-kedai juga harus lebih berhati-hati.

"Malah gambar-gambar yang dipamerkan juga semak maklumkan bahawa kebanyakan masyarakat luar yang terpengaruh akan menubuhkan nasib dengan mengambil pakej paling minima iaitu Gold - RM400.

3 - Sinar Harian - Saturday, 11 February 2017

## Enam sahabat rugi RM23,000

**AIR HITAM** - Enam sahabat kerugian RM23,000 setelah penganjur satu skim pelaburan gagal melunaskan bayaran seperti yang dijanjikan dalam kejadian yang berlaku pada 13 Januari lalu.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Rahmat memaklumkan bahawa kebanyakan mereka terdiri daripada ahli Persatuan Nelayan Kuala Kedah, menyertai skim berkenaan kerana mahu meringankan beban keluarga.

Rahmat berkata, enam rakanannya mendapat tahu mengenai skim berkenaan melalui kepimpinan Persatuan Nelayan Kuala Kedah yang dikatakan dapat membantu ahli.

"Skim cepat kaya itu dikenali sebagai sahit IWHP. Kami telah menyerahkan duit di pejabat persatuan dan kemudian diarahkan untuk mempromosikan saham berkenaan kepada rakan-rakan lain.

"Menurut syarat ditetapkan, pelabur akan menerima dividen RM100 setiap minggu jika mereka membuat pelaburan sebanyak RM1,000. Semua dividen itu akan dimaklumkan melalui SMS," katanya.

Menurutnya, selepas seminggu,



Mangsa menunjukkan laporan polis yang dibuat pada 13 Januari lalu.

mereka menerima SMS daripada pihak penganjur memaklumkan mereka telah menerima dividen itu.

Bagaimanapun katanya, hasil dividen berkenaan tidak dapat dikeluarkan dan diminta merujuk kepada pihak penganjur.

"Selepas saya dan rakan pergi menjelaskan masalah itu, pihak berkenaan suruh kami tunggu serta bersabar.

"Kini sudah hampir dua tahun sejak buat pelaburan pada Oktober 2014, kami belum lagi menerima sebarang dividen," katanya.

## Strategi tawar pelbagai pakej berjaya jerat mangsa

**SHAH ALAM** - Kebanyakan syarikat-syarikat pelaburan di negara ini menggunakan strategi tersendiri untuk meyakinkan orang ramai agar mempercayai skim yang dibawa oleh mereka.

Kebiasaannya, syarikat-syarikat pelaburan menawarkan tiga pakej berlainan iaitu Gold (RM400), Platinum (RM4,000), dan Diamond (RM40,000).

Menjelaskan mengenai perkara itu, sumber yang enggan dikenali memaklumkan bahawa kebanyakan masyarakat luar yang terpengaruh akan menubuhkan nasib dengan mengambil pakej paling minima iaitu Gold - RM400.

Katanya, pakej Gold ini dijanjikan akan dibayar RM100 sebulan selama tiga bulan, dan pelaburan ini akan matang pada bulan keempat, malah mereka (pe-

labur) mempunyai pilihan untuk mendapat RM800 (keuntungan) dan pakej akan segera ditamatkan.

"Contohnya, 1,000 orang masuk, total *collection* yang akan dapat adalah sebanyak RM400,000 dan duit ini cukup digunakan untuk membayar habuan bulanan pelabur selama empat bulan.

"Strategi psikologi emosi dimainkan waktu ini di mana pelabur akan jadi takut sebab dengan hanya menunggu lagi lima bulan mereka akan dapat RM3,600 di samping RM100 bulanan," ujarnya.

Katanya, kebanyakan daripada mangsa tidak akan berhenti pada bulan keempat berikutan menanti habuan yang lebih lumayan di masa hadapan dan mula percaya kepada skim tersebut.

Berikutan daripada kepercayaan

yang semakin menebal, sumber terbabit menjelaskan bahawa mangsa atau pelabur terlibat akan mula mengajak ahli keluarga serta rakan-rakan untuk turut sama dalam pelaburan itu.

"Bila dah dapat duit, masa ini pihak terlibat boleh isytihar macam-macam kepada pelabur-pelabur.

"Paling senang mereka cakap kena rompak, kena tipu atau pecah amanah (tuduh sesiapa dalam syarikat dan jadi kambing hitam) dari syarikat tak mampu pulangkan modal pelaburan tersebut kepada pelabur.

"Untuk meredakan kemarahan pelabur, mereka akan minta tempoh 6 bulan untuk selesaikan dan *recovery*. Cukup 6 bulan, mereka akan minta lagi lanjutan tempoh," katanya.

**FAKTA** SYARIKAT PELABURAN  
DISENARAIHITAMKAN  
BANK NEGARA MALAYSIA  
(KEMASKINI: 22 SEPTEMBER 2016)

- Iglobalcash
- 1Gold.com.my (www.1gold.com.my)
- 3Sixty Venture Capital Pl.C (www.empire3sixty.com)
- Ace Global Sales & Services
- Ace Dimension Network Sdn Bhd.
- AE Group Holding Pte Ltd (www.aevfc.com) (201322498-D)
- Agarwood Venture (002273031-A)
- Agar Wood Chamber of Commerce Malaysia
- Ajuwah Realty Sdn Bhd (966604-D)
- Ajuwah Agencies Sdn Bhd (966604-D)
- Ajuwah Consultancy
- Alpari (Asian) Ltd
- Al-Saliha Worldwide Sdn. Bhd. (628267-M)
- Amazing Yields Sdn Bhd (891529-V)
- Amethyst Gold Creation Sdn Bhd (951063-K) (www.powergoldclub.com/ www.powergold999.com/ www.powergold.biz)
- APS Asia Plantation Sdn Bhd (981575-T)
- Arba Emas Perak (SA0280035-A)
- Aruna Travel
- Asas Seroja Sdn Bhd (357014A)

\* Sumber laman web rasmi Bank Negara Malaysia



Pelaburan emas turut menjadi medium menipu orang ramai.